

Mamalia itu antara spesies paus paling jauh bermigrasi berbanding ikan lain

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Seekor ikan paus dipercayai daripada spesies *Humpback Whale* atau paus bungkuk di kesan pertama kali muncul di perairan Pulau Redang.

Pensyarah Biologi Marin Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Maizah Mohd Abdullah berkata, kemunculan ikan berkenaan dianggap istimewa kerana belum pernah dilihat di lokasi berkenaan sebelum ini.

"Walaupun agak sukar mengenal pasti jenis ikan kerana rakaman video kurang jelas, saya percaya ia adalah spesies paus bungkuk."

"Rakaman video menunjukkan bahagian kepala paus tetapi pengecaman pada bentuk sirip dorsal menunjukkan ia adalah spesies *Humpback Whale*," katanya ketika dihubungi, di sini, pada Ahad.

Beliau yang juga Ketua

Paus bungkuk muncul di perairan Pulau Redang

ST 618124 MLS 25



Sekumpulan nelayan sempat merakam kehadiran paus bungkuk di perairan Pulau Redang.

Projek Ocean Hope berkata, ikan tersebut merupakan haiwan mamalia yang berhijrah atau melakukan migrasi paling jauh berbanding haiwan mamalia lain serta menggunakan perairan Okinawa di Jepun dan di Filipina untuk membiak.

"Spesies tersebut boleh dijumpai di perairan laut dalam di seluruh dunia, namun populasi paling hampir dengan perairan negara adalah dari Western North Pacific."

"Jika di Malaysia, ikan tersebut pernah dilaporkan ditemui

di perairan Pulau Pangkor di Perak dan Miri, Sarawak," kata dia.

Menurutnya, haiwan yang memakan krustacea seperti udang dan ikan kecil dengan cara menapis air laut dalam jumlah yang banyak tidak berbahaya

atau memberi ancaman kepada penyelam atau nelayan.

Bagaimanapun, katanya, orang ramai dinasihatkan untuk tidak menghampiri ikan tersebut kerana dikhuatir boleh mendangkan kecedesecara tidak sengaja berikutan saiznya yang besar.

"Warga tempatan dinasihatkan berhati-hati ketika mengadakan aktiviti di perairan berhampiran dan jika terserempak dengan mana-mana spesies haiwan marin seperti ini, perlu memperlakukannya bot dan tidak cuba untuk menghampirinya dengan terlalu rapat."

"Kemunculan haiwan mamalia marin seperti paus bungkuk memberi mesej untuk semua pihak supaya menjaga kelestarian lautan," ujarnya.

Pada Sabtu lalu, tular di media sosial rakaman video berdurasi 39 saat memaparkan sekumpulan nelayan teruja apabila terserempak paus di perairan Pulau Redang.